

R B907 AAB
MAHATHIR-BBC
(I)

1985

KUALA LUMPUR, 12 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED MENEGASKAN MALAM INI BAHAWA KERAJAAN TIDAK BERSIKAP NEGATIF TERHADAP ORANG-ORANG CINA.

MALAHAN, JELAS PERDANA MENTERI, MASYARAKAT CINA DI NEGARA INI TELAH MENJALANI HIDUP +YANG AMAT BAIK+ SEKALIPUN ADA YANG MENGATAKAN KERAJAAN MALAYSIA BERSIKAP NEGATIF.

+PERTAMA SEKALI, KAMI TIDAKLAH BERSIKAP NEGATIF TERHADAP ORANG-ORANG CINA. SELURUH MEREKA (38 PERATUS DARI BILANGAN PENDUDUK DI SINI) SUDAH TENTU TELAH MENINGGALKAN NEGARA INI JIKA KERAJAAN SEBENARNYA BERSIKAP NEGATIF TERHADAP MEREKA,+ KATANYA MENJAWAB SOALAN YANG DIKEMUKAKAN OLEH SEORANG PEMANGGIL MENERUSI RANCANGAN BBC +ITS YOUR WORLD PHONE-IN PROGRAMME.+

ENCIK CHARLES WEE, SEORANG RAKYAT MALAYSIA KETURUNAN CINA BERCAKAP KEPADA DATUK SERI DR. MAHATHIR DARI EDINBURGH, SCOTLAND BERTANYAKAN SAMA ADA KERAJAAN MENGAMALKAN SIKAP NEGATIF TERHADAP ORANG-ORANG CINA DI MALAYSIA.

BELIAU ADALAH SEORANG DARI SEMBILAN YANG MENELEFON RANCANGAN 45 MINIT BBC ITU YANG DISIARKAN SECARA LANGSUNG SERENTAK DI PERKHIDMATAN DUNIA BBC DAN RANGKAIAN EMPAT RADIO TEMPATANNYA PADA 7.10 MALAM INI WAKTU MALAYSIA DAN 1110 WAKTU GREENWICH. PROGRAM ITU AKAN KE UDARA MENERUSI RANGKAIAN BIRU RADIO MALAYSIA MULAI 7.45 MALAM HINGGA 8.30 MALAM ESOK. -- LAGI.
2300MST 12 05 85

D970

R B908 AAB
MAHATHIR-BBC 2 KUALA LUMPUR
(I)

PEMANGGIL-PEMANGGIL LAIN ADALAH DARI SEPANYOL, NUREMBERG DI GERMANY, OSLO DI NORWAY, SIEW POH ONG, RAKYAT MALAYSIA YANG TINGGAL DI LONDON, ENCIK CHARLES TEH, SEORANG AKAUNTAN MALAYSIA YANG BEKERJA DI LONDON, ENCIK JAGJIT SINGH DARI KELUANG JOHOR, SEORANG RAKYAT MALAYSIA YANG HANYA DIKENALI SEBAGAI ENCIK FOO DAN DR. ROWLAND DARI IRELAND.

KEPADA SOALAN OLEH ENCIK WEE, PERDANA MENTERI BERKATA APA YANG KERAJAAN SEDANG LAKUKAN IALAH UNTUK MENENTUKAN BAHAWA DI BIDANG EKONOMI, SEMUA KAUM DI MALAYSIA BERPELUANG MENIKMATI KEMAKMURAN MENERUSI PERLAKSANAAN DASAR EKONOMI BARU.

+SEBAGAIMANA YANG KITA TAHU, ORANG CINA KUAT BEKERJA, RAJIN DALAM PERNIAGAAN DAN TELAH MENCAPAI KEJAYAAN BESAR. JIKA KITA BIARKAN ITU BERLAKU, KITA AKAN DAPATI BAHAWA ORANG CINA DAN KAUM-KAUM LAIN AKAN MENCAPAI TARAF EKONOMI YANG BERBEZA.

+DALAM SEBUAH NEGARA YANG DIDIAMI OLEH PELBAGAI KAUM, HAKIKAT KAUM ITU SENDIRI SUDAH CUKUP UNTUK MENIMBULKAN PERPECAHAN. BILA KAUM ITU DITEGASKAN LAGI DENGAN PERBEZAAN EKONOMI, KITA AKAN MENGHADAPI KEADAAN YANG MEMBAHAYAKAN SEPERTI DALAM 1969,+ UJAR PERDANA MENTERI.

+BELIAU BERKATA DALAM SEBUAH NEGARA YANG MEMPUNYAI KUMPULAN KAUM YANG TUNGGAL SEKALIPUN, UJUD RASA PERTENTANGAN ANTARA KELAS BAWAHAN DAN ATASAN.+

-- LAGI.

2306MST 12 05 85

0712

R B909 AAB
MAHATHIR-BBC 3 KUALA LUMPUR
(I)

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN DASAR EKONOMI BARU DIRANCANG BAGI MENENTUKAN KAUM BUMIPUTERA MEMPUYAI PELUANG SEPerti ORANG CINA UNTUK MENCARI KEKAYAAN.

DITANYA SAMA ADA BELIAU MENGALU-ALUKAN KEPULANGAN SEMULA ORANG CINA YANG TELAH BERHIJRAH KE TEMPAT LAIN, PERDANA MENTERI BERKATA: + TIDAK JIKA MEREKA TELAH MENGGUNAKAN HAK SEBAGAI WARGANEGARA ASING.

SOALAN-SOALAN DARI PARA PEMANGGIL ITU MELIPUTI SOAL DARIPADA ISA, RANCANGAN PENDUDUK 70 JUTA DALAM MASA 115 TAHUN, PERSEDIAAN JIKA VIETNAM MENYERANG MALAYSIA, HUBUNGAN BRITAIN DENGAN MALAYSIA HINGGA KEPADA PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM.

KEPADA SOALAN ENCIK CHRISTOPHER BELL DARI SEPANYOL, BELIAU MENJELASKAN KERAJAAN BERTOLERANSI TERHADAP AGAMA LAIN DAN BERUSAHA MENINGKATKAN KEBAJIKAN RAKYAT DARI SEGI POLITIK DAN EKONOMI. -- LAGI.

2310MST 12 05 85

D977

R B910 AAB
MAHATHIR-BBC 4 KUALA LUMPUR
(I)

PERDANA MENTERI MEMBAHARUI IKRAR BAHAWA PENTADBIRANNYA ADALAH SEBUAH KERAJAAN YANG BERSIKAP TOLERANSI DAN AKAN BERUSAHA BAGI KEBAJIKAN SETIAP ORANG, ISLAM ATAU BUKAN ISLAM.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA KERAJAAN MENEKANKAN KEPADA NILAI-NILAI ISLAM YANG BAIK DAN ISLAM MEMPUYAI NILAI-NILAI BAIK YANG TIDAK BERBEZA DENGAN NILAI-NILAI BAIK YANG DITERIMA OLEH AGAMA LAIN.

+KAMI SEDANG BERUSAHA BAGI KEPENTINGAN HIDUP SEHARI-HARI YANG TIDAK BERTENTANGAN DENGAN KEPERCAYAAN ORANG LAIN KERANA KAMI BERSIKAP TOLERANSI.

+TERDAPAT TERLALU KECIL BANTAHAN TERHADAP USAHA KAMI MENERAP NILAI-NILAI ISLAM DI NEGARA INI.+ -- BERNAMA.

2324MST 12 05 85